

Dr Mahathir ibarat gam mampu ikat parti dalam PH

BH- 18/11/2020 mlr: 36



PAS sifatkan tak perlu perbesar isu peralihan kuasa, terserah PM lepas jawatan bila bersedia

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim dan Nik Sukry Ramli
bhnews@bh.com.my

Kota Bharu: PAS menyifatkan isu peralihan kuasa tidak perlu diperbesarkan, sebaliknya menyerahkan kepada Tun Dr Mahathir Mohamad melepaskan jawatan Perdana Menteri pada bila-bila masa beliau bersedia.

Naib Presidennya, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah, berkata tiada keperluan mendesak Dr Mahathir melepaskan jawatan memandangkan beliau menjalankan fungsi se-

bagai Perdana Menteri dengan baik.

Katanya, Dr Mahathir kini ibarat gam yang mampu mengikat semua parti dalam Pakatan Harapan (PH) dan beliau percaya orang lain belum tentu mampu melakukannya.

“Benda ini (peralihan kuasa) adalah isu dalaman PH dan kita difahamkan sudah ada persetujuan antara Dr Mahathir dan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

“Jadi, saya rasa tidak elok untuk mendesak, lebih baik tunggu Dr Mahathir sedia melepaskan jawatan,” katanya selepas kuliah pagi di Medan Ilmu, di sini, semalam.

Sebelum ini Dr Mahathir dilaporkan sedia melepaskan jawatannya sebagai Perdana Menteri serta-merta jika Majlis Presiden PH mahu beliau berbuat demikian.

Sementara itu, mengulas isu peruntukan khas sebanyak RM400 juta diterima daripada Kerajaan Persekutuan pada 25 Disember la-

lu, Mohd Amar berkata, ia akan digunakan untuk meningkatkan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Timbalan Menteri Besar itu berkata, sehingga kini duit peruntukan berkenaan belum digunakan kerana semua perancangan masih di peringkat perbincangan.

“Kita tidak akan guna duit berkenaan untuk perkara lain termasuk pembayaran gaji. Dua topik utama ini (meningkatkan ekonomi dan kesejahteraan rakyat) sedang dalam penelitian kaedah bagaimana mahu melaksanakannya

“Ya merangkumi memperbanyakkan lagi rumah mampu milik selain bekalan air bersih. Kita pun sedang alami kemarau dan mungkin akan berlarutan sehingga April.

“Jadi bekalan air bersih yang mungkin akan didahulukan daripada perkara lain dan kita akan tengok semula apa yang kita akan dahulukan,” katanya.

Di Kuantan, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) Pahang meminta semua pihak, terutama daripada parti komponen PH, berhenti memainkan isu peralihan kuasa Perdana Menteri.

Setiausaha Badan Perhubungan BERSATU negeri, Mohd Yazid Mohd Yunus, berkata ia bagi menghormati konsensus semua pemimpin PH dan memfokus usaha menunaikan janji dibuat pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

“Terlalu banyak perkara lain yang lebih penting untuk Kerajaan Persekutuan lakukan.

“Perkara ini (peralihan kuasa) boleh diselesaikan kemudian, apabila isu dan masalah ditinggalkan kerajaan terdahulu dapat diselesaikan.

“Bagi kami (BERSATU Pahang), Dr Mahathir perlu diberikan ruang dan masa secukupnya untuk menyelesaikan masalah serta menunaikan janji dibuat pada PRU-14 supaya PH terus diyakini dapat membina semula ne-

“Tiada keperluan untuk mendesak Dr Mahathir melepaskan jawatan memandangkan beliau menjalankan fungsi sebagai Perdana Menteri dengan baik.

Mohd Amar Nik Abdullah,
Naib Presiden PAS

gara,” katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Mohd Yazid yang juga Ketua BERSATU Bahagian Paya Besar berkata, rakyat meletakkan harapan dan kepercayaan tinggi kepada PH serta Dr Mahathir untuk mengembalikan semula kegemilangan ekonomi negara.